



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/02/14\_01 (HQ)

### SJTJ BEROPERASI SEPERTI BIASA, KEBAKARAN HANYA LIBATKAN BOLONG KELUAR SALURAN PAIP GAS

- Durasi suar (flare) adalah selama 14 saat yang bermula jam 8:28 malam
- Tiada kerosakan pada aset dan mesin utama penjanaan di SJTJ

Lanjutan kenyataan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** semalam mengenai kebakaran yang berlaku di Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar (SJTJ), TNB ingin memaklumkan stesen berkenaan beroperasi seperti biasa, kerana kebakaran hanya melibatkan suar (flare) di bolong keluar saluran paip gas (vent out gas pipeline).

“Berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), durasi suar (flare) adalah selama 14 saat yang bermula jam 8:28 malam. Kebakaran dihentikan dengan segera hasil tindakan pantas pihak stesen janakuasa membuat penutupan selamat (safe shutdown) punca gas,” kata Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco), Dato’ Ir. Muhamad Nazri Pazil hari ini.

TNB Genco adalah anak syarikat milik penuh TNB yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset-aset penjanaan elektrik milik TNB.

SJTJ, mempunyai kapasiti penjanaan 1,411 megawatt (MW), namun hanya 350MW sahaja yang dihentitugaskan manakala selebihnya beroperasi seperti biasa.

“Siasatan masih diteruskan bagi mengenal pasti punca sebenar yang mencetuskan kebakaran. Pemeriksaan awal mendapati tiada kerosakan pada aset dan mesin utama penjanaan di SJTJ. Pihak kami masih menjalankan pemeriksaan lanjut,” kata Nazri.

“Kami sedang mengambil inisiatif tertentu untuk mengenal pasti punca kebakaran dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelak kebakaran berulang,” katanya.

Nazri juga memaklumkan operasi stesen tersebut tidak terjejas dan mendapat pengesahan pihak Bomba untuk meneruskan operasi.

Beliau turut memaklumkan kejadian kebakaran semalam tidak menggugat keupayaan TNB untuk membekalkan elektrik kepada pelanggannya.

~Tamat~

S.A. 2025/02/14\_01 (HQ)

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Februari 2025, jam 5:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617*

*/ Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: media@tnb.com.my*



Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco),  
Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil